



# مجَلِيسٌ سَمْبُوتَنْ هَارِيْ كُورُوْلَى - ٢٩

MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-29

هَارِيْ كُورُوْلَى  
23 SEPTEMBER

23 Muharram 1441H / 23 September 2019M

Pusat Persidangan Antarabangsa  
Negara Brunei Darussalam



قَدِيدَهُنْ بِرَكُولِيَّتِي تَرَسْ كِيرَلْعَرْقَالْجَرْ

PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR



يَوْمَ الْعِزَّةِ  
23 SEPTEMBER

قَدْ يُرَبِّقَنْ بِرَبِّ الْيَتَامَىٰ تَسْرِيجُهُ لِغَرْقَ الْجَرَاءِ

PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR





**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah  
Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien  
Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**





**Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien  
ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II**





**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda  
Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri**



**KANDUNGAN PROGRAM**  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-29 TAHUN 2019**

**ISI KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata Alu-Aluan Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, Menteri Pendidikan dan Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama	2
Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Ke-28 pada 24 September 2018M	6
Petikan Syair Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam II	10
Huraian Tema Hari Guru Ke-29 Tahun 2019	14
Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	18
Ristaan Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	22
Khutbah Jumaat Khas Sambutan Hari Guru Ke-28 Tahun 2018	30
Inisiatif-Inisiatif Dalam Pengajaran dan Pembelajaran	36
Rancangan Aktiviti-Aktiviti Sepanjang Sambutan Hari Guru Ke-29 Tahun 2019	52
Jawatankuasa-Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Guru Ke-29 Tahun 2019	56
Tajaan dan Penghargaan	90

**ATUR CARA**  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU KE-29 TAHUN 2019**

- 8.00 Pagi : Guru-Guru dan Para Jemputan hadir
- 8.30 Pagi : Ketibaan Pembesar-Pembesar Negara dan Para Jemputan Khas
- 9.00 Pagi : Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerabat Diraja
- : Lagu Kebangsaan "Allah Peliharakan Sultan"
- : Bacaan Al-Fatihah dan Doa Selamat  
Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja  
Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned,  
Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam
- : Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Qur'an dan Intisari Ayat  
Surah Ar-Rum Ayat 20 hingga 24
- : Sembah Alu-Aluan oleh Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman,  
Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam
- : Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
- : Tayangan Klip Video
- : Persembahan Utama
- : Permakluman Penerima-Penerima Anugerah Hari Guru
- : Pengurniaan Anugerah Hari Guru

- : Sayyidul Istighfar
- : Lagu Kebangsaan “Allah Peliharakan Sultan”
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat ke Bilik Santap
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung berangkat bagi sesi bergambar ramai dengan penerima-penerima anugerah dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja dijunjung berangkat bagi menyaksikan pameran dan Majlis Junjung Ziarah
- : Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu‘izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berserta Kerabat Diraja berangkat meninggalkan Majlis

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**

**KATA ALU-ALUAN**

**YANG BERHORMAT MENTERI PENDIDIKAN**

**DAN**

**YANG BERHORMAT MENTERI HAL EHWAJ UGAMA**



**Yang Berhormat  
Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah  
bin Haji Sulaiman**  
Menteri Pendidikan  
Selaku Pengerusi Bersama  
Sambutan Hari Guru Ke-29 Tahun 2019  
Negara Brunei Darussalam



**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz  
Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Othman**  
Menteri Hal Ehwal Ugama  
Selaku Pengerusi Bersama  
Sambutan Hari Guru Ke-29 Tahun 2019  
Negara Brunei Darussalam

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah rahmat dan izinNya juga kita dapat meraikan Sambutan Hari Guru Kali Ke-29 bagi Tahun 1441H / 2019M. Selawat serta salam ke atas junjungan besar yang kita kasih Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang jujur lagi ta'tat sehingga ke akhir zaman.

Bertemakan Pendidikan Berkualiti Teras Kecemerlangan Pelajar, Sempena Hari Guru Kali Ke-29 tahun ini, kita meraikan dan menghargai akan jasa bakti guru yang memberikan pendidikan dan pembelajaran anak didik mereka sehingga melahirkan generasi berkualiti yang akan menjadi aset negara.

Kualiti setiap guru adalah menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ugama. Cemerlang guru, cemerlanglah pelajarnya. Kejayaan seorang pelajar bukan sahaja dapat dirasakan oleh pelajar itu sendiri, tetapi juga oleh ibu bapa, guru, sekolah malahan mampu menjadi kebanggaan negara. Semua ini dapat diraih hasil daripada titik peluh guru-guru yang sanggup mengorbankan masa dan tenaga demi kejayaan setiap anak didiknya.

Dengan dunia yang serba canggih dan memerlukan sumber tenaga manusia yang sentiasa cekap dan berubah dengan cepatnya, keperluan-keperluan dalam meningkatkan dan memperkuuhkan profesion sebagai seorang guru adalah amat dititikberatkan.

Ke arah ini, Alhamdulillah, Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah (SHBIE) dan juga Kolej Univeristi Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) sentiasa merebu dalam mempastikan kursus-kursus dan kurikulum yang ditawarkan dapat mempersiapkan para bakal guru dengan kompetensi dan kemahiran yang diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Dalam pada itu, pembangunan profesional guru-guru yang sedia ada juga terus dilaksanakan khususnya melalui Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) bagi memastikan mereka juga mempunyai kapasiti yang terkini sesuai dengan keperluan dan perubahan dalam pendidikan khususnya di era revolusi digital ini.

Era digital ini menghendaki setiap guru mahupun pelajar menjadi celik digital dengan bersedia menggunakan dan mengaplikasi penggunaan teknologi, *Internet of Things* (IoT) dan sebagainya. Teknologi pendidikan digital akan dapat memudahkan cara pengajaran dan pembelajaran di mana ianya membolehkan kolaborasi lebih erat antara guru dan pelajar dalam pembelajaran, meneroka penyelesaian masalah dan meningkatkan kesedaran global.

Dalam kegairahan kita memanfaatkan kecanggihan dunia digital ini, pegangan kita kepada Al-Quran dan Hadith mestilah terus dipertahankan dan dikukuhkan. Dengan adanya pengukuhan Islam dan iman dalam setiap diri guru dan juga pelajar, in syaa Allah sistem pendidikan kita akan dapat menghasilkan generasi Brunei yang bersifat global lagi mempunyai nilai-nilai Islam yang luhur, beridentitikan keBruneian dan berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja.

Dengan ini, pengukuhan jati diri dan kualiti setiap guru adalah amat mustahak kerana kualiti pendidikan itu terletak kepada kualiti yang dimiliki oleh setiap guru itu sendiri. Mereka adalah *role model* dan semoga semua usaha-usaha para guru di negara ini akan berhasil membangunkan modal insan yang diperlukan bagi menyumbang kepada pembangunan negara selaras juu dengan hasrat Wawasan Brunei 2035.

Di kesempatan ini, setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Guru-Guru yang menerima Anugerah Hari Guru Kali Ke-29 pada Tahun 2019M. Ucapan tulus ikhlas dan terima kasih juga ditujukan kepada semua guru-guru yang ada di Negara Brunei Darussalam sama ada di sektor Kerajaan atau Swasta di semua peringkat pendidikan. Bagi guru-guru yang telah bersara, jasa dan sumbangan mereka akan sentiasa dikenang dan diucapkan Selamat Menyambut Hari Guru Kali Ke-29. Terima Kasih Cikgu.

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**

**PETIKAN TITAH  
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI  
HASSANAL BOLKIAH MU 'IZZADDIN WADDAULAH  
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI  
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,  
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,  
DI MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU  
KE-28 TAHUN 2018**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِنُ عَلَى أَمْوَالِ الدِّينِ وَالدِّينِ،  
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ،  
وَبَعْدَ

Beta bersyukur ke hadhrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dapat pulsa hadir di Majlis Sambutan Hari Guru Ke-28, Tahun 2018 pada pagi ini. Beta suka cita mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru dan pendidik di Negara Brunei Darussalam.

'Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang' adalah tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini. Rakyat dan penduduk yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi adalah teras kepada pembangunan dan daya saing negara. Oleh itu, langkah utama untuk melahirkan sumber tenaga manusia yang berjaya adalah melalui sistem pendidikan yang berkualiti. Di sinilah peranan guru itu diperlukan, kerana melalui pengaruh keguruuanlah keperibadian anak bangsa dapat dibentuk.

Dunia sekarang sedang mengalami perkembangan pesat teknologi, yang membawa perubahan besar bagi setiap aspek kehidupan. Kemajuan industri digital yang memfokus kepada *Internet of Things*, *Artificial Intelligence* dan pembinaan robot-robot pintar adalah di antara yang membawa kepada perubahan tersebut, terutama di segi pekerjaan, struktur industri, interaksi sosial dan sistem urus tadbir.

Dengan ini, kita perlu untuk turut mendepaninya. Jika tidak, kita akan ketinggalan.

Dalam konteks ini, bidang pendidikan turut menerima impak besar dan mendalam. Oleh itu, sistem pendidikan dan latihan perguruan diperlukan untuk melakukan sebarang perubahan penting, khasnya di segi penyediaan kurikulum dan kemahiran-kemahiran baru yang diperlukan.

Para guru bukan sahaja untuk mengajar atau membimbing anak-anak bagi menghadapi peperiksaan, tetapi juga menunjuk cara bagaimana persediaan dibuat untuk menempuh era globalisasi dan teknologi yang serba pesat. Dalam makna, para guru juga diperlukan untuk memberikan pengajaran kompetensi abad Ke-21, dari peringkat rendah sampai peringkat tinggi. Melalui pengajaran demikian, barulah mungkin akan berkembang pemikiran-pemikiran kreatif dan kepekaan budaya (*cultural sensitivity*) di kalangan pelajar.

Berdasarkan ini, kerjaya guru dapat dilihat sebagai makin mencabar dan kompleks. Hanya guru yang mempunyai kebolehan dan kewibawaan sahaja, yang mampu untuk mendepani cabaran ini. Oleh itu, kriteria dan proses pengambilan bakal guru melalui Master of Teaching di Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam sangatlah perlu dikemaskinikan, sebagai usaha untuk memastikan guru-guru kita adalah benar-benar berkelayakan.

Ini termasuk juga perisian kurikulum Master of Teaching sangat mustahak diperengkatkan, meliputi turut memikirkan bagaimana cara melatih yang berkesan. Kita memang memerlukan guru-guru yang benar-benar terlatih, yang diharap mampu untuk membentuk keperibadian (*character*) yang baik.

Adalah menjadí harapan Beta, supaya kerjaya guru menjadí antara pilihan utama di negara ini. Maka untuk itu, kesejahteraan para guru perlulah diberikan perhatian. Ekosistem perguruan yang meliputi pengambilan dan juga pembangunan profesional adalah memerlukan pelaksanaan lebih kemas dan teratur, supaya guru-guru dapat sentiasa memberikan pengajaran yang terbaik dan berkualiti.

Dalam hubungan ini, diharapkan para guru akan dapat juga meningkatkan dedikasi dan komitmen mereka untuk lebih bersedia memberikan pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang kepada para pelajar.

Dedikasi para guru juga boleh dilihat melalui kerjasama mereka dengan para ibu-bapa dan penjaga. Beta dalam hal ini, adalah menyambut baik mengenai Konvensyen Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang julung-julung kali diadakan pada awal tahun ini.

Tanya boleh diperluaskan kepada masyarakat maupun agensi-agensi bukan Kerajaan (NGOs) yang sama-sama dapat menyumbang ke arah kecemerlangan pendidikan.

Akhirnya, Beta sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Guru kepada semua warga guru di negara ini, semoga segala usaha mereka dalam mendidik anak bangsa kita akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Kepada para penerima Anugerah Hari Guru pula, Beta mengucapkan setinggi-tinggi ta'hiah dan semoga penganugerahan ini akan menjadi pencetus semangat bagi seluruh warga guru untuk merealisasikan ‘Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang’.

Sekian,

و بالله التوفيق والهداية

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**

**PETIKAN SYAIR  
AL-MARHUM SULTAN  
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN IBNI AL-MARHUM  
SULTAN MUHAMMAD JAMALUL ALAM II**



**PETIKAN**  
**SYAIR LATLA HASRAT MUDA OMAR 'ALI SAIFUDDIEN'**

**HASIL KARYA:**  
**AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN**  
**SA'ADUL KHAIRI WADDIEN**

*Dagang berdoa kepada Allah  
memohon rahmat nikmat dilimpah  
kepada semua muda yang petah  
membuat kerja yang berfaedah*

*Menuntut ilmu sangat disuruh  
jangan memilih dekat dan jauh  
hendaklah diaji bersungguh-sungguh  
mudahan menjadi pelita suluh*

*Ilmu itu adalah panduan  
ke mana-mana tujuanmu tuan  
bukan utara dan bukan selatan  
di tengah-tengah tempat berjalan*

*Wahai anakanda malai suntingan  
carilah ilmu panjang rundingan  
fikir sempurna ditinggal jangan  
ambilah ia buat pedoman*

*Wahai anakanda emas tempawan  
cahaya mata ayahandamu tuan  
bersegera mencari ilmu pengetahuan  
itulah senjata setiawan*

*Ialah senjata amat berguna  
dapat dibawa ke sini sana  
walau dibawa ke mana-mana  
tidak sekali terkena juajana*

Khas dipetik dari  
Syair Nasihat Muda Omar 'Ali Saifuddien  
Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Edisi 1994

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لڑائی

**23 SEPTEMBER**

**HURAIAN TEMA  
HARI GURU KE-29 TAHUN 2019**

## **PENDIDIKAN BERKUALITI TERAS KECEMERLANGAN PELAJAR**

Pendidikan merupakan wadah pembinaan negara bangsa kerana kemajuan sesuatu bangsa adalah manifestasi daripada sistem pendidikan yang telah dirancang dan dilaksanakan. Justeru itu, pada masa kini, negara-negara maju dan membangun berusaha untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi sistem pendidikan di negara masing-masing termasuklah di Negara Brunei Darussalam.

Selaras dengan arus perubahan global yang dinamik, sistem pendidikan di negara ini telah disesuaikan dengan perkembangan pelajar, masa, situasi dan kemahiran yang diperlukan dalam abad Ke-21. Ini kerana, sistem pendidikan yang berkualiti adalah penting dalam memastikan hasil pembelajaran yang maksimum serta dapat dicapai oleh pelajar secara holistik.

Pendidikan berkualiti merupakan suatu konsep yang dinamik, berubah dan berkembang mengikut masa, sosial, ekonomi dan persekitaran setempat. Pendidikan berkualiti bukan sahaja diukur berdasarkan prasarana pendidikan yang kondusif, teknologi pengajaran dan pembelajaran yang canggih, peluang-peluang pembelajaran yang saksama kepada semua peringkat pelajar, kurikulum yang sesuai dengan tuntutan agama dan seimbang dengan keperluan dan perubahan masa, malah juga dilihat dari aspek kualiti guru itu sendiri. Dengan adanya guru-guru yang berkualiti sebagai pemimpin dan tenaga pengajar, ianya akan mampu melahirkan pelajar yang lebih cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum di sekolah, kehidupan di rumah dan komuniti, serta mampu bersaing di peringkat global. Usaha guru dalam meningkatkan ilmu bagi kepentingan pelajar ini bersesuaian dengan hadith baginda Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam yang diriwayatkan oleh Sayyidatuna Aisyah Radiallahu ‘anha yang bermaksud:

“Sesungguhnya Allah menyukai apabila seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan, ia melakukannya dengan baik, sempurna dan teliti.”

(Hadith Riwayat Al-Baihaqi)

Di samping itu, dalam merealisasikan pendidikan berkualiti, guru berperanan penting untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan informasi serta mampu membentuk pelajarnya untuk memiliki akhlak yang mulia dan jati diri yang baik. Justeru itu, guru perlu mendidik pelajar berteraskan ajaran agama Islam bagi membentuk nilai-nilai akhlak yang tinggi sejajar dengan nilai-nilai Melayu Islam Beraja serta mengamalkan cara hidup yang selaras dengan konsep Negara Zikir.

Guru juga haruslah peka dengan perkembangan pendidikan, dan mengamalkan kemahiran profesional bagi menghasilkan pelajar yang mampu berfikir secara kritis dan kreatif. Guru juga memainkan peranan yang penting dalam memperkembangkan potensi pelajar dari semua aspek untuk menghadapi cabaran-cabaran kesan daripada kemajuan industri, ekonomi, pelbagai teknologi tinggi dan limpahan maklumat sejagat. Melalui peranan yang dijalankan dengan penuh komitmen ini, kompetensi pelajar akan dapat dipertingkatkan sehingga setanding dengan prestasi pelajar di negara serantau mahupun antarabangsa.

Selain itu, pendidikan berkualiti juga boleh dicapai dengan mempraktikkan pengajaran berkesan bagi memberi impak kepada kecemerlangan pelajar. Oleh itu, guru perlu bijak menentukan strategi pengajaran dengan menentukan pendekatan, memilih kaedah dan menetapkan teknik-teknik tertentu yang sesuai dengan perkembangan dan kebolehan pelajar yang berbeza, seperti memberikan program pengayaan kepada pelajar yang mempunyai tahap kebolehan tinggi, dan program intervensi kepada pelajar yang mempunyai tahap kebolehan sederhana dan rendah. Dengan cara ini, pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan akan mendapat akses kepada bantuan yang bersesuaian dengan keperluan mereka bagi menjamin kejayaan dan kecemerlangan di sekolah. Ini bermakna, semua pelajar akan mendapat peluang untuk mengikuti proses pembelajaran yang lebih berkesan sejajar dengan objektif strategik kedua Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2018-2022, iaitu menyediakan akses yang sama dan saksama kepada pendidikan berkualiti.

Pendidikan merupakan kunci utama kehidupan yang berkualiti. Namun, tanpa pendidikan yang berkualiti, *output* yang berkualiti tidak akan mampu dijana. Menurut UNESCO (2005), setiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan pendidikan berkualiti kerana pendidikan berkualiti akan memberi impak kepada kecemerlangan pelajar bagi mempersiapkan mereka menghadapi cabaran yang bakal dihadapi setelah melangkah keluar dari lingkungan sekolah.

Oleh itu,uraian di atas membuktikan bahawa pendidikan berkualiti adalah sangat penting sebagai teras kecemerlangan pelajar. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang cemerlang akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara khususnya bagi merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لڑائی

**23 SEPTEMBER**

**PENERIMA-PENERIMA  
ANUGERAH HARI GURU  
KE-28 TAHUN 2018**

## **PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-28 TAHUN 2018**

### **PENERIMA ANUGERAH GURU BERJASA**



Yang Mulia Dato Seri Setia  
Awang Haji Kasim bin Haji Lamat



Yang Mulia Pengiran Datin Paduka Hajah Hairani binti  
Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar

### **PENERIMA ANUGERAH GURU CEMERLANG KE-28 TAHUN 2018**



Yang Mulia Dr. Awang Lim Chee Ming



Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Wahab  
bin Pengiran Haji Abdullah



Yang Mulia Dayang Naziancina  
Galarido Ward



Yang Mulia Dayang Norliza  
binti Haji Zaini Rahman

## ANUGERAH PENGHARGAAN HARI GURU (SPECIAL MENTION) KE-28 TAHUN 2018



Yang Mulia Profesor Madya  
Dr Awang Haji Noor Azam bin Orang Kaya  
Maha Bijaya Haji Othman



Yang Mulia Awang Haji Jamil  
bin Haji Osman



Yang Mulia Awang Haji Adee Suharde  
bin Haji Muhidin



Yang Mulia Awang Munif Ahmad



Yang Mulia Dr. Dayang Hajah  
Rosmawijah binti Haji Jawawi



Yang Mulia Awang Haji Ibrahim  
bin Haji Sahat



Yang Mulia Awang Mohd Kamarul  
Izzudin bin Haji Kamaluddin



Yang Mulia Awang Ashraf  
bin Azwar



Yang Mulia Dayang Hajah Norasnida  
binti Haji Ramlee



Yang Mulia Dayang Siti Zawayah  
binti Haji Ismail



Yang Mulia Dayang Noor Faridah  
binti Haji Kasim



Yang Mulia Dayang Nur Iman Yong  
binti Abdul Rahman



Yang Mulia Dayang Farizan  
binti Haji Rosli

پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**

**RISTAAN**  
**MAJLIS SAMBUTAN HARI GURU**  
**KE-28 TAHUN 2018**





KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH  
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN  
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM,  
BERGAMBAR RAMAI DENGAN AHLI-AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI  
DAN PENERIMA-PENERIMA ANUGERAH HARI GURU KE-28 TAHUN 2018









پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**

**KHUTBAH JUMAAT KHAS  
SAMBUTAN HARI GURU  
KE-28 TAHUN 2018**

## **GURU DEDIKASI PENDIDIKAN CEMERLANG**

Muslim yang dihormati Allah,

Bertaqwalah kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu wa Ta'ala ialah orang yang paling bertaqwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia serta akhirat.

Muslim yang dihormati Allah,

Ilmu pengetahuan merupakan pelita hidup yang sangat penting dan berguna dalam kehidupan kerana dengan ilmu akan dapat membantu kita berjaya di dunia dan di akhirat. Orang yang berilmu dapat membezakan antara baik dan buruk serta antara benar dan salah.

Melihat betapa pentingnya ilmu itu, maka kita sebagai umat Islam diwajibkan untuk menuntut ilmu sebanyak yang mungkin. Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala mengurniakan darjah yang tinggi kepada orang-orang yang berilmu pengetahuan dan kepada orang-orang yang berusaha mencari ilmu pengetahuan serta dipermudahkan baginya jalan menuju ke Syurga. Daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, maksudnya:

“Sesiapa yang menempuh satu jalan kerana mencari ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke Syurga”.

Apabila kita menuntut ilmu maka guru adalah orang yang memainkan tugas dan tanggungjawab yang sangat penting dalam menyampaikan, mengajar dan membimbing pelajar atau masyarakat dengan pelbagai ilmu pengetahuan serta kemahiran. Dalam ugama kita mengajarkan ilmu yang bermanfaat itu adalah amalan yang dipandang tinggi dan mulia. Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda, maksudnya: Daripada Abu Umamah Al-bahili, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

“Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Ta'ala, para malaikat dan semua penduduk di langit dan di bumi, sehinggakan semua di sarangnya dan ikan di lautan pasti berselawat mendoakan kebaikan bagi orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia”.

Sebagai guru atau pendidik, mereka hendaklah menjadi contoh tauladan yang baik bagi setiap anak didiknya bukan sahaja untuk menjadikan mereka orang yang berilmu dan cemerlang bahkan juga berakhlaq mulia. Oleh itu, guru hendaklah menjauhkan diri daripada sifat-sifat keji dan terlarang. Ini kerana guru mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pembentukan dan pembangunan diri, sahsiah atau peribadi pelajar.

Muslim yang dihormati Allah,

Menjadi seorang guru yang dedikasi, cemerlang, dihormati, disegani dan berwibawa bukanlah suatu perkara yang mudah. Untuk itu, guru hendaklah memiliki sifat-sifat yang terpuji, antaranya sifat ikhlas dan sabar dalam mendidik dan menyampaikan

ilmu pelajaran, bukan kerana mengharapkan balasan, pujian atau pangkat akan tetapi untuk menjadikan pelajar, masyarakat dan bangsa menjadi orang yang pandai dan berilmu serta berguna kepada ugama, bangsa dan negara.

Sesungguhnya amanah yang dipikul oleh seorang guru itu sangatlah besar dan berat kerana tugas mereka bukan setakat mendidik malahan bertanggungjawab untuk memperkaya para pelajar dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni.

Guru diamanahkan untuk melahirkan insan syumul yang berupaya memenuhi tuntutan duniaawi dan ukhrawi. Oleh itu agama kita menganjurkan supaya menghormati, menghargai, memuliakan para guru dan bukannya mencerca dan menghina apatah lagi mengherdik dan melawan mereka apabila diberi teguran oleh guru kerana dikhuatiri pelajar tersebut akan ditarik atau hilang keberkatannya dan tidak memperolehi manfaat ilmu tersebut. Imam Al-Ghazali Rahimahullah Ta’ala menyatakan bahawa menghormati dan memuliakan guru merupakan tugas dan kewajipan kita sebagai murid kerana guru itu bagaikan orang tua kita sendiri yang wajib kita hormati dan muliakan.

Ketahuilah, banyak hikmahNya yang diperolehi dengan menghormati dan memuliakan guru, antaranya kita akan memperolehi kejayaan hidup di dunia dan di akhirat, mudah mengingati dan memahami apa yang dipelajari, membentuk peribadi serta akhlak yang mulia dan yang paling penting ialah memperolehi ilmu yang diberkati oleh Allah Subhanahu wa Ta’ala. Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda, maksudnya; daripada ‘Ubada bin ash-Shamit, Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda:

“Tidak termasuk golongan kami orang yang tidak memuliakan yang lebih tua dan menyayangi yang lebih muda serta yang tidak mengerti hak orang yang berilmu (akur diutamakan pandangannya)”.

Muslim yang dihormati Allah,

Alhamdulillah setiap tahun negara kita Brunei Darussalam merayakan Sambutan Hari Guru. Ia merupakan satu pengiktirafan yang tinggi kepada guru-guru di negara ini yang telah banyak berjasa terhadap membangunkan masyarakat dan negara. Tema Sambutan Hari Guru pada tahun ini adalah “Guru Dedikasi Pendidikan Cemerlang”. Ini menunjukkan bahawa peranan guru sangat penting dalam menentukan kecemerlangan negara kini dan pada masa akan datang dan sekali gus akan dapat sama-sama mendukung dan meyokong untuk mencapai dan merealisasikan Wawasan Negara 2035.

Ketahuilah guru yang dedikasi merupakan guru yang redha dan ikhlas berkordan masa, tenaga, fikiran dan harta benda demi membangun pelajar, masyarakat, bangsa dan negara. Guru yang dedikasi adalah guru yang sentiasa tekun dan bersungguh-sungguh dalam menguasai ilmu pengetahuan, mampu merancang kaedah pengajaran dan pembelajaran serta mahir dalam menerapkan pelbagai jenis kemahiran dan teknologi pendidikan. Guru dedikasi sangat dituntut dalam Islam, kerana sesuai dan bertetapan dengan tugas dan tangungjawabnya sebagai seorang مدرس (pendidik), مأذب (pembentuk adab dan akhlak), مربي (mengasuh dan mendidik dengan kasih sayang), معلم (menyampaikan yang benar) dan مرشد (membimbing ke arah kebaikan).

Manakala yang dimaksudkan dengan pendidikan cemerlang itu adalah pendidikan yang mengimbang dengan pengetahuan, kemahiran dan dengan nilai-nilai agama. Hal ini bermakna bahawa pelajar tidak hanya cukup dengan ilmu pengetahuan, akan tetapi pelajar perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran. Dalam erti kata yang lain, pelajar perlu menguasai kedua-dua ilmu atau bidang iaitu berilmu dan beramal. Ini bermakna ilmu yang dituntut hendaklah diterapkan dalam kehidupan seharian. Di samping berusaha untuk memajukan diri, keluarga, bangsa dan negara serta taat setia kepada raja dan sentiasa menjaga kesucian agama Islam.

Sesungguhnya guru adalah orang yang baik berjasa dalam memberi ilmu pendidikan dan pengetahuan serta menjadikan para penuntut orang yang berilmu dan berjaya dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, jasa guru hendaklah sentiasa dikenang dan dihargai oleh penuntut bahkan juga ibu bapa. Akhirnya sama-samaalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala agar para guru sentiasa dilimpahkan taufiq dan hidayah serta diberikan kekuatan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka. Mudah-mudahan Allah Subhanahu wa Ta'ala sentiasa memberi petunjuk, inayah dan rahmat kepada guru-guru sama ada yang masih hidup atau yang telah kembali ke rahmatullah. Aamiin Ya Rabbal 'Alamiin.

Surah Al-Mujadalah ayat 11:

Tafsirnya: "Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat dan Allah teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".



پاکستان  
پاکستانیوں کی  
لہجے

**23 SEPTEMBER**


# **INISIATIF - INISIATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

**Menyediakan akses  
yang sama dan saksama**

**Membangun dan  
melaksanakan pelan  
strategik penggantian  
yang jelas**

**Membangun dan  
melaksanakan strategi  
pembangunan sumber  
tenaga manusia yang  
komprehensif**

**Mentransformasi sumber tenaga  
manusia ke arah budaya yang  
berasaskan prestasi**



**PENDIDIKAN**

**Mengukuhkan kualiti Pendidikan Awal Kanak-Kanak  
(Peringkat Pra-Sekolah)**

**Mengukuhkan penyampaian pendidikan asas  
(Peringkat Rendah dan Menengah)**

**Meningkatkan kualiti dan meluaskan akses  
ke pendidikan pasca menengah**

**Meningkatkan peluang pelajar-pelajar  
berisiko dan kurang bernasib baik di setiap  
peringkat pendidikan**

**Penambahbaikan peluang pembelajaran  
sepanjang hayat**

**Meningkatkan perkongsian akauntabiliti  
bersama dengan pihak berkepentingan dalam  
perkembangan pengajaran dan pembelajaran**

**Mengukuhkan  
kolaborasi dan  
integrasi dalaman**

**Mengukuhkan  
kolaborasi dan  
integrasi dengan pihak-  
pihak berkepentingan**

**BERKUALITI**

## MENTRANSFORMASI SUMBER TENAGA MANUSIA KE ARAH BUDAYA YANG BERASASKAN PRESTASI



foto: SR Sultan Hassan



foto: EDEI

foto: EDEA

Akademi Guru Brunei Darussalam (BDTA) memainkan peranan dalam menyediakan dan mengendalikan kursus dan latihan-latihan kepakaran bagi guru-guru.



foto: Maktob Anthony Abell Sarin



foto: Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Pembangunan Profesional yang diadakan di peringkat kementerian, sekolah dan kluster memberikan guru peluang percambahan fikiran serta berkongsi strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di dalam dan luar bilik darjah.



*foto: Sekolah Rendah Katok A*



*foto: Sekolah Rendah Rimba III*

Kegiatan latihan mengajar yang melibatkan guru-guru melalui aktiviti Pengajaran Mikro atau *Micro-Teaching* untuk memantapkan teknik pengajaran guru-guru.



*foto: Sekolah Rendah Putat*



*foto: Sekolah Rendah Pusar Ulak*

Kaedah demonstrasi bagi *Guided Reading Programme* membantu untuk meningkatkan literasi pelajar-pelajar.



*foto: Sekolah Seri Mulia Sarjana*



*foto: Sekolah Rendah Birau*

Sesi Pembangunan Profesional memberi peluang guru-guru berkongsi dan merangka strategi dan idea terkini dalam pengajaran.



foto: Universiti Islam Sultan Sharif' Ali

Profesor Dr. Muhamad Syukri Salleh, Prof Adjung Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) menyampaikan sesi ceramah bertajuk *Construction of Research Topics* dan *First Impression & Ingredients of Thesis*.



foto: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Perkongsian Ilmu dalam bidang pendidikan Islam dan Perguruan melalui Program Nadwah Murabbi Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan telah dihadiri oleh pegawai dan guru-guru dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan.



foto: Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Lawatan ke Tarbiyyah Global bagi mendapatkan maklumat mengenai pelaksanaan pendidikan awal kanak-kanak anjuran Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



foto: Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah

Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran, Pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Johan (Kategori E) dalam Musabaqah Menghafaz Al-Quran Beserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1440 Hijrah / 2019 Masihi.



foto: Kluster I

Bengkel Analisis dan Interpretasi Data *Student Assessment Tracker (SAT)* bagi pemimpin-pemimpin sekolah yang telah dikendalikan oleh Ketua Kluster 1.



foto: Sekolah PGGB Lambak



foto: Sekolah Menengah Rimba II



foto: Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar

Guru-guru Sekolah Menengah Rimba II (gambar kiri) dan Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar (gambar kanan) mengadakan sesi Perkembangan Profesionalisme melalui *Literacy and Numeracy Coaching Programme* (LNCP), ke arah usaha memperkuatkan kapasiti guru.



foto: Sekolah Rendah Mabohai

Kongsisama Local Coaches mengenai *Differentiated Learning* bersama guru-guru Sekolah Rendah Mabohai.



foto: SK Dato Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong

Perkongsian kaedah pengajaran Dialogik atau *Dialogic Teaching* di Sekolah Rendah Datu Ratna Haji Muhammad Jaafar Kiarong.



foto: Sekolah Menengah Sultan Hassan



foto: Kluster I

Guru-guru menghadiri sesi kongsisama *Learning Objectives* (LO) dan *Steps to Success* (52S) yang disampaikan oleh International Coaches.



*foto: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien*



*foto: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien*

*International Coaches* mengadakan sesi *Module 6 Collaborative Planning* yang dihadiri oleh guru-guru Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (Maktab SOAS) dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA).



*foto: Sekolah Rendah Abdul Rashid Tanjong Maya*



*foto: Sekolah Menengah Menglait*

Sesi *International Coaching bersama local partner* di sekolah.

*Expert Phase Training* di Sekolah Menengah Muda Hashim.



*foto: Sekolah Rendah Dato Marsal*



*foto: Sekolah Rendah Sultan Hassan*

*Peer Review* Sekolah Rendah Dato Marsal (gambar atas kiri) dan Sekolah Rendah Sultan Hassan bersama pemimpin sekolah dan *international coaches* (gambar atas kanan).

## KONVENTSYEN PEMIMPIN SEKOLAH 2019

Gambar-gambar sekitar Konvensyen Pemimpin Sekolah 2019 yang diadakan di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam yang dihadiri oleh 298 orang pemimpin-pemimpin sekolah termasuk pengetua-pengetua, timbalan-timbalan pengetua, guru-guru besar dan penolong-penolong guru besar. Tetamu Kehormat bagi konvensyen tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.



## PENYEDIAAN AKSES YANG SAMA DAN SAKSAMA



*foto: Sekolah Rendah Berakas Garrison*



*foto: Sekolah Rendah Binturan*

Setiap pelajar perlu diberi peluang mengikuti pendidikan secara saksama untuk mencapai potensi yang maksima.



*foto: Sekolah Rendah Rimba III*

Guru mengaplikasi strategi *ENVY® Non-Verbal Classroom Management* untuk mempelbagaikan strategi pengurusan dan pengajaran dalam kelas.



*foto: Sekolah Rendah Rimba II*

Antara aktiviti yang dilakukan oleh para pelajar bagi membentuk pemikiran positif dan produktif melalui program *Growth Mindset*.



*foto: Chung Hwa Middle School*

Pendekatan secara demonstrasi dan praktikal untuk membantu pelajar-pelajar mempelajari asas penjagaan gigi yang betul.



*foto: Sekolah Rendah Lumapas*



07/03/2019 09:53

*foto: Sekolah Rendah Labu Estate*

Aktiviti *Mass Reading* di Sekolah Rendah Lumapas (gambar atas kiri) serta aktiviti Budaya Membaca di Perpustakaan Bangar (gambar atas kanan) adalah antara aktiviti yang diungkayahkan oleh sekolah dalam usaha menanam minat suka membaca di kalangan pelajar-pelajar.



*foto: Sekolah Joyful Kids Montessori*



*foto: Sekolah Rendah Pantai Berakas*

Antara usaha sekolah untuk meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi dikalangan pelajar-pelajar yang mempunyai tahap keperluan pembelajaran yang berbeza-beza. Pelbagai pendekatan atau kaedah pembelajaran digunakan seperti berlakon, membuat persembahan serta aktiviti bermain sambil belajar.



*foto: Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah*



*foto: Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah*

Kem motivasi dan kepimpinan jati diri pelajar-pelajar Tahun 4 Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah diadakan di Temburong.

Program motivasi *Milyoun Turuq Lin Najah* bersama Cikgu Bahri bin Bohari anjuran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah.



Guru Pendidikan Khas atau *Special Educational Needs Assistance Teacher* (SENA) membantu pelajar yang memerlukan bantuan secara individu.



Guru SENA menjalankan sesi intervensi untuk pelajar dengan menggunakan *Choice Boards*.



Penglibatan aktif pelajar melalui aktiviti pembelajaran dan penilaian berterusan adalah penting bagi guru mendapat maklum balas mengenai tahap pencapaian pelajar-pelajar.



*foto: Unit Pendidikan Khas*

